



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU LAMBAKAN MADU TIRUAN DI PASARAN

14 FEBRUARI 20234

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum artikel bertajuk “**Lambakan 90 peratus madu tiruan di pasaran, bagaimana nak tahu mana yang asli**” yang disiarkan oleh akhbar Berita Harian pada 13 Februari 2024. Artikel berkenaan turut memberi maklumat berkaitan madu kelulut.

Di Malaysia, madu diklasifikasikan berdasarkan spesies lebah yang menghasilkannya iaitu “madu” yang dihasilkan oleh lebah madu *apis dorsata* atau “madu kelulut” yang dihasilkan dari *stingless bee*. Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard yang telah ditetapkan iaitu di antaranya adalah mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurunan, mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih daripada 10 peratus dan tidak boleh mengandungi hydroxymethylfurfural (HMF) lebih daripada 80 mg/kg.

KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa menjalankan pemantauan produk madu di pasaran. Sebanyak 769 sampel produk madu dengan pelbagai jenama telah diambil dari tahun 2016 sehingga kini. Hasil pemantauan mendapati 45 sampel (5.85%) produk madu tidak mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas syarikat dan produk terlibat.

Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan tiada seorang pun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini. Seseorang yang didapati melanggar peruntukan ini dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

KKM turut menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik yang bertujuan memberikan pengiktirafan ke atas produk makanan yang disahkan autentik / tulen dan memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam Skim Pensijilan ini. Ini termasuklah produk madu, daging, kopi dan sarang burung walit. Sehingga kini, tujuh (7) syarikat telah memperolehi Pensijilan Autentik untuk produk madu dari KKM.

Pada masa ini KKM sedang menjalankan kerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia serta Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan madu menggunakan teknik terkini iaitu menggunakan teknik isotop sebagaimana disarankan oleh standard makanan antarabangsa Codex.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Pengguna adalah disaran membaca label dan memilih produk makanan yang mempunyai logo Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) seperti Autentik, MeSTI, GMP dan HACCP dari KKM. Sebarang kemusykilan berhubung isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

14 FEBRUARI 2024

LOGO AUTENTIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

